

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI 1997
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-12-1997

1. Terlebih dahulu ingin saya mengalu-alukan kehadiran Y.A.B. Perdana Menteri ke majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) 1997. Saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau untuk hadir dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah sebentar lagi. Sesungguhnya kehadiran Y.A.B. Dato Seri, di tengah-tengah kesibukan yang lain, membuktikan keperihatinan dan minatnya terhadap kemajuan Perkhidmatan Awam negara. Sesungguhnya Perkhidmatan Awam Malaysia berasa amat bertuah kerana sentiasa mendapat perhatian, bimbingan serta sokongan yang cukup kuat dari Y.A.B. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam semua usaha untuk meningkatkan kualiti dan prestasinya.

2. Pada kesempatan ini juga ingin saya mengalu-alukan Y.B. Menteri-menteri, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi- agensi Kerajaan dan para hadirin sekalian yang turut hadir pada majlis ini bagi menunjukkan sokongan kepada usaha- usaha yang dijalankan bagi memajukan lagi Perkhidmatan Awam di negara ini.

3. Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) ini merupakan pengiktirafan tertinggi negara kepada tiga organisasi, iaitu satu dari sektor awam, satu dari sektor swasta dan satu dari sektor sosio-ekonomi, yang telah berjaya mencapai tahap pengurusan kualiti paling cemerlang sepanjang tahun yang dinilai. Pada tahun ini, sebanyak 62 organisasi telah memohon dipertimbangkan untuk dianugerahkan AKPM. Daripada jumlah ini, sebanyak 23 buah adalah dari sektor awam, 14 buah dari sektor swasta dan 25 buah organisasi dari sektor sosio-ekonomi.

4. Di dalam urusan pemilihan pemenang pada tahun ini, ketiga-tiga sektor tersebut telah menggunakan kriteria penilaian yang tertentu. Salah satu elemen yang digunakan dalam kaedah penilaian ialah komitmen kepimpinan dalam pengurusan kualiti organisasi. Daripada ini jelas bahawa peranan ketua-ketua agensi dalam menerajui dan membawa agensinya menghayati dan mengamalkan budaya kerja berkualiti adalah amat penting. Peranan inilah yang ditekankan sepanjang masa, lebih-lebih lagi sejak Gerakan Budaya Cemerlang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1989.

5. Sejak gerakan tersebut dilancarkan, tidak dapat dinafikan banyak kemajuan telah dicapai kearah memberi khidmat yang berkualiti kepada rakyat dan masyarakat amnya, termasuklah sektor swasta. Namun demikian, gerakan ini mesti diteruskan kerana usaha ke arah pencapaian kualiti memerlukan penambahbaikan sepanjang masa. Cabaran yang kita hadapi sekarang akibat krisis matawang yang melanda Malaysia dan negara-negara lain di rantau ini menekankan betapa pentingnya usaha-usaha peningkatan kualiti dan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam. Petugas-petugas awam tiada pilihan lain, tetapi harus bekerja lebih gigih untuk mempertingkatkan kualiti dan produktiviti agar negara mempunyai kelebihan daya saing (competitive advantage). Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua anggota Perkhidmatan Awam ingin memberi jaminan bahawa kami bersedia menggembeling tenaga dan sanggup bekerjasama dengan pihak swasta untuk membawa negara keluar dari krisis ini. Perkhidmatan Awam yakin negara mampu menangani rintangan ini dalam keadaan sumber yang terhad menerusi pengurusan kewangan dan sumber tenaga manusia yang cekap, pemekatan penggunaan teknologi dan sumber maklumat, pelaksanaan MS ISO 9000 dan MSC.

6. Salah satu usaha penting yang sedang diberi perhatian oleh Perkhidmatan Awam ialah melaksanakan Kerajaan Elektronik seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selaras dengan ini, satu Simposium Kerajaan Elektronik Kebangsaan akan diadakan hari ini dan esok pada 18 - 19 Disember 1997. Ini merupakan ulung kali simposium sedemikian dianjurkan. Ia bertujuan memberi pemahaman kepada ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan mengenai wawasan, konsep dan rasional strategi pelaksanaan Kerajaan Elektronik dalam Perkhidmatan Awam. Kerajaan Elektronik akan berupaya melonjakkan prestasi perkhidmatan sektor awam kepada orang awam, masyarakat perniagaan serta memantapkan saling hubung (connectivity) di antara jabatan- jabatan Kerajaan.

7. Pelaksanaan Kerajaan Elektronik sudah tentu akan membawa beberapa perubahan besar yang

memerlukan agensi melakukan proses perekayasaan semula (reengineering process) ke atas sistem, prosedur dan struktur dalam pelaksanaan kerja. Seiring dengan ini, Perkhidmatan Awam sedang memberi perhatian yang berat terhadap aspek latihan dan kemahiran tenaga kerjanya di bidang IT. Justru itu, nilai dan pesepsi petugas awam terhadap IT perlu berubah untuk menerima cara kerja yang baru dengan berkesan.

Ketua agensi harus bersedia dan berupaya menangani perubahan dalam pengurusannya.

8. Simposium yang akan berlangsung selama dua hari ini akan memberi kesempatan yang baik kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman dari negara-negara lain yang telah melaksanakan program electronic government seperti Government Direct United Kingdom, Access America, Amerika Syarikat dan Service Ontario, Canada. Sebagai penjawat awam, sama-samalah kita berkegagasan menanam sikap positif dan terbuka terhadap Kerajaan elektronik dan memberi sokongan padu dalam pelaksanaannya supaya taraf Perkhidmatan Awam kita akan terus meningkat selaras dengan keperluan Wawasan 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan, 9. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri kerana sudi hadir dan merasmikan majlis ini serta menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri pada hari ini. Saya bagi pihak Perkhidmatan Awam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang- pemenang Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam tahun ini dan berharap kemenangan ini akan menjadi inspirasi serta teladan kepada semua agensi Kerajaan dan swasta untuk meningkatkan kualiti organisasi masing-masing.